

## **KOMPETENSI GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENTAKSIRAN BILIK DARJAH: MENILAI ASPEK AMALI DAN AFEKTIF DI SEKOLAH RENDAH**

### **[COMPETENCIES OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN CLASSROOM ASSESSMENT: EVALUATING PRACTICAL AND AFFECTIVE ASPECTS IN PRIMARY SCHOOLS]**

NURUL JANNAH MASRAN<sup>1\*</sup> & KHAIRUL AZHAR JAMALUDIN<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: [P144452@siswa.ukm.edu.my](mailto:P144452@siswa.ukm.edu.my)

---

*Received: 24 June 2025*

*Accepted: 26 August 2025*

*Published: 07 October 2025*

---

**Abstrak:** Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah diperkenalkan sebagai pendekatan utama dalam sistem pentaksiran berasaskan sekolah di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pentaksiran bilik darjah menekankan pentaksiran formatif sebagai satu penilaian yang dilaksanakan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah bagi menilai perkembangan murid secara menyeluruh yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Dalam konteks Pendidikan Islam, pelaksanaan PBD menjadi lebih mencabar kerana ia turut melibatkan penilaian terhadap nilai, penghayatan dan amalan kehidupan seseorang individu murid berteraskan ajaran Islam dalam kehidupan harian. Justeru, guru Pendidikan Islam khususnya di sekolah rendah berperanan penting dalam memastikan pentaksiran PBD dapat dijalankan secara menyeluruh. Namun begitu, pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD masih belum mencapai tahap keberkesanan seperti yang diharapkan. Antara isu yang dikenal pasti termasuklah kekangan masa guru, beban kerja yang berlebihan, kurang kefahaman terhadap konsep dan dokumen sokongan pentaksiran serta ketiadaan latihan khusus berkaitan pentaksiran afektif dan amali. Selain itu, sikap dan motivasi guru turut menjadi faktor yang mempengaruhi kualiti pelaksanaan PBD. Sehubungan dengan itu, kertas isu ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah dalam pelaksanaan PBD serta membincangkan cadangan penambahbaikan seperti penyediaan latihan profesional secara berterusan, pembangunan instrumen pentaksiran alternatif, penyusunan semula beban tugas guru dan pengukuhan sokongan pentadbiran di peringkat sekolah. Oleh itu, perbincangan melalui kertas isu ini diharapkan dapat memberi implikasi yang positif terhadap pelaksanaan PBD secara lebih holistik, konsisten dan mampan dalam pendidikan Islam di sekolah rendah.

**Kata Kunci:** Pentaksiran bilik darjah, penilaian formatif, Pendidikan Islam, sekolah rendah, cabaran pelaksanaan.

**Abstract:** Classroom Assessment (PBD) has been introduced as the main approach in the school-based assessment system under the Primary School Standard Curriculum (KSSR). Classroom assessment emphasizes formative assessment as a continuous evaluation conducted throughout the teaching and learning process in the classroom to assess pupils' overall development, which encompasses cognitive, affective, and psychomotor aspects. In the context of Islamic Education, the implementation of PBD becomes more challenging as it also involves the evaluation of values, appreciation, and practices of a

pupil's daily life based on Islamic teachings. Therefore, Islamic Education teachers, especially in primary schools, play an important role in ensuring that PBD is implemented comprehensively. However, various studies have shown that the implementation of PBD has not yet reached the desired level of effectiveness. Among the identified issues are teachers' time constraints, excessive workload, lack of understanding of assessment concepts and supporting documents, as well as the absence of specific training related to affective and practical assessments. In addition, teachers' attitudes and motivation also influence the quality of PBD implementation. In relation to this, this issue paper aims to identify the main issues and challenges faced by primary school Islamic Education teachers in the implementation of PBD and to discuss improvement suggestions such as the provision of continuous professional training, the development of alternative assessment instruments, the restructuring of teachers' workload, and the strengthening of administrative support at the school level. Therefore, it is hoped that the discussion in this paper will provide positive implications for the implementation of PBD in a more holistic, consistent, and sustainable manner in Islamic Education at the primary school level.

**Keywords:** Classroom assessment, formative evaluation, Islamic Education, primary school, implementation challenges.

**Cite This Article:**

Nurul Jannah Masran & Khairul Azhar Jamaludin. (2025). Kompetensi Guru Pendidikan Islam Dalam Pentaksiran Bilik Darjah: Menilai Aspek Amali Dan Afektif Di Sekolah Rendah [Competencies Of Islamic Education Teachers In Classroom Assessment: Evaluating Practical And Affective Aspects In Primary Schools]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(1), 151-161.

**PENGENALAN**

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan satu pendekatan pentaksiran formatif yang dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk menilai perkembangan, keupayaan dan pencapaian murid secara holistik. Seiring dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), PBD telah menjadi tunjang utama dalam merealisasikan aspirasi pendidikan negara untuk melahirkan murid yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sebagai seorang pelaksana utama dalam PBD ini maka guru sangat memainkan peranan yang sangat penting agar pentaksiran PBD dapat dijalankan dengan berkesan di peringkat sekolah.

Dalam konteks mata pelajaran Pendidikan Islam, PBD tidak hanya bertujuan menilai aspek kognitif murid, malah turut melibatkan penilaian aspek afektif dan psikomotor yang mencerminkan pembentukan akhlak dan amalan kehidupan Islam. Pelaksanaan pentaksiran yang menyeluruh ini menuntut kompetensi profesional guru yang tinggi dari segi kefahaman terhadap instrumen pentaksiran, kebolehan merancang dan melaksanakan penilaian yang autentik serta keupayaan menganalisis maklumat untuk tujuan penambahbaikan PdP (Noraini Idris, 2021). Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas menunjukkan wujud pelbagai cabaran dalam pelaksanaan PBD dalam kalangan guru, khususnya guru Pendidikan Islam.

Azizi et al. (2017) mendapati kegagalan sebahagian guru memahami konsep PBD dan pendekatan pelaksanaannya secara menyeluruh menyebabkan pentaksiran ini tidak dapat dijalankan dengan baik. Hal ini mengakibatkan proses pentaksiran yang dijalankan menjadi tidak konsisten dan tidak menepati matlamat sebenar PBD. Tambahan pula, Wan Zah Wan Ali et al. (2020) mendapati bahawa kekangan masa, beban kerja yang tinggi, serta kekurangan

latihan khusus berkaitan pentaksiran menyebabkan guru tidak dapat melaksanakan PBD dengan efektif. Dalam konteks Pendidikan Islam, pelaksanaan PBD yang merangkumi penilaian aspek nilai dan amalan seharian murid menjadikan proses pentaksiran ini lebih kompleks dan memerlukan strategi pentaksiran yang lebih holistik.

Di samping itu, menurut kajian kementerian pendidikan melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (2022), terdapat jurang kefahaman antara guru terhadap dokumen pentaksiran yang disediakan seperti Dokumen Standard Prestasi (DSP) dan Panduan Pelaksanaan PBD. Hal ini menyebabkan penilaian yang dilakukan oleh guru menjadi tidak selaras dan menimbulkan isu ketidakadilan dalam pelaporan prestasi murid. Penemuan ini memperlihatkan bahawa pelaksanaan PBD bukan sekadar bergantung kepada ketersediaan instrumen dan garis panduan, tetapi juga bergantung kepada tahap kefahaman, kemahiran serta sikap guru terhadap pelaksanaan pentaksiran berterusan.

Oleh itu, kertas konsep ini akan meneliti isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. Tumpuan utama adalah untuk mengenal pasti aspek-aspek pelaksanaan yang menjadi kekangan kepada keberkesanan pentaksiran, serta cadangan penyelesaian untuk memperkukuh pelaksanaan PBD secara holistik dan mampan. Penelitian ini dijangka dapat memberi implikasi terhadap penambahbaikan latihan profesional guru, pembangunan bahan sokongan pentaksiran, serta strategi pengurusan masa dan beban tugas guru agar pelaksanaan PBD dapat dijalankan bukan hanya memenuhi keperluan rubrik pentaksiran malah mengikuti keperluan pentaksiran mengikut konteks Pendidikan Islam di sekolah rendah.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan satu elemen utama dalam pendekatan pembelajaran berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang menekankan kepada perkembangan holistik murid. Melalui PBD, guru bertanggungjawab menilai tahap penguasaan murid secara berterusan bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka dalam sesuatu pembelajaran. Dalam konteks Pendidikan Islam, pentaksiran bukan sahaja melibatkan aspek kognitif, tetapi juga memberi penekanan kepada penghayatan nilai-nilai Islam serta amalan harian murid, menjadikan pelaksanaannya lebih kompleks dan mencabar.

Namun begitu, beberapa kajian dan laporan menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD dalam kalangan guru masih belum mencapai tahap yang optimum. Hal yang demikian disebabkan kekeliruan guru tentang konsep sebenar PBD khususnya dari aspek pelaksanaan instrumen pentaksiran seperti lembaran kerja, senarai semak, dan rubrik penilaian (Azizi et al., 2017). Dalam kajian oleh Wan Zah et al. (2020), didapati bahawa ramai guru menghadapi kekangan masa dan tekanan beban tugas yang tinggi menyebabkan pentaksiran dilakukan secara tergesa-gesa dan tidak sistematik. Keadaan ini menjejaskan kebolehpercayaan dan ketelusan hasil dapatan pentaksiran yang direkodkan.

Dalam konteks Pendidikan Islam di sekolah rendah pula, pelaksanaan pentaksiran bagi aspek afektif dan amali seperti ibadah, akhlak dan pembentukan sahsiah sering kali diabaikan atau tidak dinilai secara mendalam kerana kekangan masa dan kesukaran dalam menetapkan indikator penilaian yang objektif (Noraini, 2021). Ini mengakibatkan PBD dalam Pendidikan

Islam hanya cenderung dalam aspek hafazan, fakta atau ujian bertulis sahaja, sedangkan matlamat sebenar Pendidikan Islam ialah untuk membentuk peribadi Muslim yang seimbang dari segi pengamalan ilmu pengetahuan dan amalan dalam kehidupan harian.

Tambahan pula, laporan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2022) menyatakan bahawa masih wujud jurang dalam kefahaman guru terhadap dokumen sokongan seperti Dokumen Standard Prestasi (DSP), menyebabkan ketidaktepatan dalam merekod tahap penguasaan murid. Masalah ini lebih ketara dalam kalangan guru Pendidikan Islam yang tidak menerima latihan yang mencukupi berkaitan pentaksiran berasaskan amalan dan nilai jika dibandingkan dengan guru mata pelajaran yang lain.

Kegagalan menangani isu-isu ini bukan sahaja menjejaskan keberkesanan PBD, tetapi juga boleh merencatkan usaha untuk membina budaya pentaksiran yang menyokong proses pembelajaran yang lebih holistik. Oleh itu, satu kajian yang meneliti isu dan cabaran pelaksanaan PBD dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah adalah sangat penting untuk memberikan gambaran sebenar keadaan di lapangan serta membantu pihak berkepentingan menggubal strategi intervensi dan sokongan yang lebih efektif.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD) berasaskan pendekatan yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Seiring dengan hasrat kurikulum baharu yang menekankan pentaksiran formatif secara berterusan, adalah penting untuk memahami bagaimana guru mengaplikasikan prinsip dan strategi pentaksiran dalam konteks sebenar bilik darjah, khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang merangkumi elemen kognitif, afektif dan psikomotor.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap konsep dan instrumen PBD, serta mengenal pasti faktor-faktor yang menghalang pelaksanaan pentaksiran yang efektif. Selain itu, kajian ini ingin meneroka keperluan sokongan profesional seperti latihan, bahan bantu pentaksiran, dan sistem sokongan pentadbiran yang boleh meningkatkan kecekapan guru dalam melaksanakan PBD dengan lebih berkesan. Justeru, kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan:

1. Isu yang dihadapi guru Pendidikan Islam sekolah rendah dalam pelaksanaan PBD.
2. Menganalisis cabaran utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah dalam melaksanakan PBD di bilik darjah.
3. Menyediakan cadangan penambahbaikan untuk memperkasakan pelaksanaan PBD khususnya di sekolah rendah.

## **Konsep Pentaksiran Bilik Darjah**

Pentaksiran Bilik Darjah merupakan satu elemen utama dalam prosedur pentaksiran secara formatif. Definisi pentaksiran formatif menurut Black dan Wiliam (1998) adalah proses berterusan yang dilakukan oleh guru dan pelajar untuk menilai kemajuan pembelajaran dengan

tujuan utama memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran. Ini menjelaskan PBD bukan hanya bertujuan mengumpul data pencapaian murid, tetapi guru juga memberikan maklum balas secara konstruktif untuk meningkatkan prestasi murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2019) memperkenalkan PBD sebagai alternatif kepada peperiksaan berasaskan kertas tradisional, menekankan penilaian menyeluruh yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotorik. Dalam konteks PBS, pentaksiran ini digubal agar penilaian lebih inklusif dan mengambil kira pelbagai bentuk pembelajaran. Menurut Harlen (2007), keberkesanan pentaksiran bilik darjah sangat bergantung kepada sejauh mana guru menggunakan maklumat pentaksiran untuk merancang aktiviti pembelajaran yang bersesuaian. Dengan kata lain, pentaksiran bukan sahaja untuk tujuan penilaian, tetapi juga instrumen pembelajaran yang penting.

## **PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan subjek yang menggabungkan aspek ilmu pengetahuan agama, akhlak, ibadah, dan penghayatan nilai-nilai murni dalam kehidupan murid. Oleh itu, pentaksiran dalam Pendidikan Islam bukan sahaja mengukur penguasaan fakta, tetapi juga menilai sejauh mana murid mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan harian (Mohd Farid, 2021).

Pelaksanaan PBD dalam Pendidikan Islam berbeza dengan mata pelajaran lain kerana ia memerlukan pentaksiran yang holistik dan multi-dimensi. Contohnya, pentaksiran terhadap aspek spiritual dan amali memerlukan guru menggunakan kaedah pemerhatian berterusan, rekod anekdot, refleksi diri murid dan laporan guru (Rahman et al., 2020). Namun, kajian oleh Mohd Farid (2021) dan Hassan (2019) mendapati bahawa guru Pendidikan Islam sering menghadapi kesukaran dalam membina instrumen pentaksiran yang mampu menilai aspek afektif dan psikomotor secara berkesan. Hal ini disebabkan kekurangan sumber, latihan khusus, dan garis panduan yang jelas.

Tambahan pula, Nurul dan Rashid (2021) menegaskan bahawa walaupun PBD memberi peluang kepada guru untuk menilai murid secara menyeluruh, pelaksanaannya dalam Pendidikan Islam masih tertumpu kepada aspek kognitif seperti ujian bertulis dan kuiz. Ini menjejaskan objektiviti dan holistik pentaksiran.

## **TAHAP KEFAHAMAN DAN SIKAP GURU TERHADAP PELAKSANAAN PBD**

Kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman guru tentang konsep PBD sangat mempengaruhi cara pelaksanaannya. Kajian Ahmad dan Zainal (2020) mendapati sebahagian guru Pendidikan Islam masih menganggap PBD sebagai satu bentuk pentaksiran sumatif semata-mata. Ini menyebabkan mereka melaksanakan pentaksiran dengan tumpuan kepada markah dan rekod, tanpa memberi penekanan kepada aspek pembelajaran dan perkembangan murid.

Selain itu, sikap guru juga memainkan peranan penting kerana guru yang mempunyai sikap positif dan motivasi tinggi terhadap PBD cenderung untuk melaksanakan pentaksiran dengan lebih teliti dan kreatif (Che Hashim et al., 2020). Sebaliknya, guru yang kurang motivasi

pada lazimnya akan menganggap PBD sebagai satu beban tugas tambahan. Kajian oleh Farah Nordin (2022) menambah bahawa guru yang diberi latihan dan bimbingan yang mencukupi lebih yakin dan mahir dalam mengendalikan PBD. Latihan ini bukan sekadar teori, tetapi juga praktikal seperti cara membina instrumen, teknik pemerhatian dan penilaian aspek nilai.

## **ISU DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH**

Pelbagai isu dan cabaran telah dikenalpasti dalam pelaksanaan PBD oleh guru Pendidikan Islam sekolah rendah. Antara cabaran utama ialah:

### **a. Kekangan Masa dan Beban Tugas**

Kekangan masa telah menjadi halangan utama guru dalam melaksanakan PBD secara berkesan (Rohaya & Suhana, 2020). Guru terpaksa mengimbangi pelbagai tanggungjawab lain seperti aktiviti kokurikulum, tugas pentadbiran, dan urusan pengurusan kelas. Hal ini mengakibatkan proses pentaksiran seperti pemerhatian berterusan dan dokumentasi rekod pencapaian murid tidak dapat dijalankan secara optimum.

### **b. Kefahaman Guru yang Berbeza-beza**

Kefahaman guru terhadap konsep PBD turut memberi kesan kepada pelaksanaannya. Terdapat guru yang masih menyamakan konsep pelaksanaan PBD dengan pentaksiran sumatif dan tidak mengaplikasikan pendekatan formatif secara holistik (Mansor & Rashid, 2021). Kekeliruan dalam mentafsir tahap penguasaan dan penggunaan Standard Prestasi (SP) menjadikan pentaksiran bersifat mekanikal dan dokumentatif semata-mata.

### **c. Ketiadaan Latihan dan Bimbingan Berterusan**

Guru Pendidikan Islam juga berhadapan dengan masalah kekurangan latihan khusus mengenai pelaksanaan PBD. Menurut kajian oleh Farah Nordin (2022), guru-guru yang terlibat dalam kajiannya menyatakan mereka tidak menerima latihan susulan atau bimbingan selepas pengenalan dasar. Kekurangan ini menyebabkan mereka kurang yakin dan tidak kreatif dalam membina item atau instrumen pentaksiran alternatif.

### **d. Dokumentasi yang Berlebihan**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan agar pentaksiran tidak menjadi beban dokumentasi. Namun begitu, masih ramai guru yang merasa terbeban dengan keperluan mengisi pelbagai borang dan rekod evidens murid (Laili & Azman, 2021). Ini menyebabkan fokus guru beralih kepada kerja-kerja teknikal berbanding proses pengajaran dan pembelajaran yang sebenar.

e. Sikap dan Motivasi Guru

Faktor sikap dan motivasi juga mempengaruhi pelaksanaan PBD. Guru yang tidak melihat nilai tambah PBD cenderung untuk melaksanakannya secara minima atau hanya untuk memenuhi kehendak dokumentasi (Che Hashim et al., 2020). Hal ini berkait rapat dengan kurangnya pemantauan serta pengiktirafan terhadap usaha guru dalam melaksanakan pentaksiran alternatif.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan kajian literatur, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi isu dan cabaran dalam pelaksanaan PBD Pendidikan Islam khususnya di sekolah rendah:

a. Latihan dan Bengkel Berterusan

Guru memerlukan latihan yang membina kemahiran teknikal dalam membina instrumen, mentadbir pentaksiran alternatif, merekod data secara sistematik dan mentafsir prestasi murid dengan adil. Dalam hal ini, pendekatan *job-embedded training* dan komuniti pembelajaran profesional (PLC) menjadi platform yang sangat sesuai untuk meningkatkan kualiti amalan pentaksiran guru secara kolaboratif (Fullan, 2014).

b. Pengurangan Beban Dokumentasi

Guru perlu menambahbaik proses prosedur dokumentasi agar tidak membebankan guru, contohnya dengan menggunakan sistem digital dan automasi rekod pencapaian (Laili & Azman, 2021). Melalui sistem automasi ini, guru tidak lagi perlu mengisi borang atau rekod pencapaian murid secara manual yang selama ini membebankan dan memakan masa. Melalui penggunaan sistem seperti SPLKPM, PADU, *Google Classroom* atau sistem PBD KPM yang ditambah baik, proses merekod evidens, menilai tahap penguasaan, serta menjana laporan prestasi murid dapat dilakukan dengan lebih pantas, telus dan efisien. Sistem automasi ini bukan sahaja dapat mengurangkan beban kerja guru dari segi dokumentasi teknikal, malah membolehkan mereka memberi lebih tumpuan kepada aktiviti pengajaran dan interaksi bermakna dengan murid. Selain itu, sistem digital juga memudahkan pemantauan oleh pihak pentadbir dan membolehkan data pentaksiran digunakan secara lebih analitik untuk tujuan penambahbaikan PdP.

c. Sokongan Pentadbiran

Peranan pentadbir sekolah sebagai penyelia dan motivator dalam pelaksanaan PBD sangat penting untuk memastikan guru mendapat sokongan dan dorongan yang diperlukan (Nurul & Rashid, 2021). Mereka bukan sahaja bertindak sebagai penyelia yang memantau pelaksanaan dasar, malah berperanan sebagai motivator yang memberi dorongan moral, bimbingan profesional dan pengiktirafan terhadap usaha guru. Pentadbir yang proaktif akan menyediakan

persekitaran kerja yang kondusif, contohnya dengan menyusun jadual waktu yang memberi ruang kepada guru melaksanakan pentaksiran secara berkesan, memudahkan akses kepada latihan dalaman, serta mengurangkan beban tugas bukan akademik. Mereka juga boleh mengadakan sesi dialog atau mesyuarat berkala bagi mendengar cabaran guru serta memberi sokongan dalam bentuk penyelesaian bersama.

d. Penggunaan Instrumen Pentaksiran Alternatif

Penggunaan instrumen pentaksiran alternatif merupakan pendekatan yang bertujuan memperluas kaedah penilaian di luar format ujian bertulis konvensional. Dalam konteks Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), khususnya bagi subjek Pendidikan Islam yang merangkumi penilaian aspek afektif dan psikomotor, instrumen seperti rubrik, penilaian sendiri, penilaian rakan sebaya, dan refleksi murid adalah amat penting (Rahman et al., 2020).

Instrumen seperti rubrik penilaian membantu guru menilai kualiti pencapaian murid berdasarkan kriteria yang jelas dan objektif, terutamanya dalam aktiviti amali seperti wuduk, solat, atau pengucapan nilai murni. Sementara itu, penilaian sendiri dan rakan sebaya memberi peluang kepada murid menilai diri mereka dan rakan mereka sendiri, yang boleh meningkatkan kesedaran sendiri serta memperkukuh nilai kejujuran dan muhasabah dalam pembelajaran.

Refleksi murid, melalui jurnal atau catatan pengalaman pembelajaran, pula membolehkan guru menilai tahap penghayatan murid terhadap nilai-nilai Islam yang dipelajari, serta kesediaan mereka untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Instrumen-instrumen ini bukan sahaja menggalakkan pembelajaran bermakna, tetapi juga membantu guru mendapatkan gambaran lebih menyeluruh tentang perkembangan sahsiah murid.

e. Penerangan dan Kesedaran Melalui Bengkel

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang berkesan sangat bergantung kepada tahap kefahaman guru terhadap konsep dan matlamat sebenar pentaksiran formatif. Oleh itu, bengkel penerangan dan kesedaran amat penting bagi memastikan guru bukan sahaja memahami secara teori, tetapi turut menghayati nilai dan kepentingan PBD sebagai satu proses pembelajaran yang membina, bukan sekadar keperluan dokumentasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025).

Bengkel ini perlu dirancang secara interaktif dan praktikal, merangkumi sesi penjelasan konsep, latihan membina instrumen pentaksiran, perkongsian amalan terbaik, serta simulasi pelaksanaan di bilik darjah (Darling-Hammond et al. 2017.) Pendekatan ini dapat membantu guru melihat PBD sebagai alat yang menyokong perkembangan murid secara holistik dan bukan sebagai beban tambahan kerja.

Selain itu, penekanan terhadap perubahan sikap dan minda (*mindset shift*) harus menjadi fokus utama. Guru yang faham bahawa PBD dapat membantu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid secara berterusan akan lebih bermotivasi untuk melaksanakannya dengan komitmen yang tinggi (Dweck, 2006).

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah masih lagi berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran yang boleh mempengaruhi tahap keberkesanan pelaksanaan. Walaupun dasar pendidikan negara telah memperkenalkan PBD sebagai satu pendekatan pentaksiran formatif yang menyeluruh, pelaksanaannya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sering kali terganggu oleh faktor dalaman dan luaran yang tidak menyokong.

Oleh itu, pelaksanaan PBD yang berkesan memerlukan pendekatan yang lebih sistematik dan menyeluruh daripada semua pihak yang terlibat. Latihan profesional yang berterusan, penyediaan bahan sokongan pentaksiran yang praktikal, penggunaan teknologi dalam pengurusan data pentaksiran, serta sokongan moral dan pentadbiran daripada pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan adalah antara langkah penting yang perlu diberi keutamaan. Guru juga perlu didedahkan dengan strategi pentaksiran yang autentik dan reflektif agar proses pentaksiran bukan sahaja menjadi alat pengukuran, tetapi juga sebagai komponen penting dalam pengembangan potensi dan pembelajaran murid.

Kesimpulannya, pelaksanaan PBD dalam Pendidikan Islam berpotensi untuk menyumbang kepada pembinaan modal insan yang seimbang dan holistik sekiranya dilaksanakan dengan kefahaman, kemahiran dan komitmen yang tinggi daripada pihak guru. Maka, menjadi tanggungjawab bersama pihak pentadbir, pembuat dasar, institusi latihan dan guru sendiri untuk memastikan pelaksanaan PBD bukan sahaja memenuhi keperluan dasar, tetapi juga memberi nilai tambah yang sebenar kepada pendidikan dan pembangunan murid.

## RUJUKAN

- Abdul Razak Mohamad Azhar & Norhasnida Nor. 2019. Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20(2): 55–67.
- Ahmad, A., & Zainal, Z. 2020. *Persepsi guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Ahmad Mohd Farid. 2021. Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam Pendidikan Islam: Satu kajian kualitatif. *Jurnal Pendidikan Islam*, 25(2): 150–168.
- Azizi Yusof, Hazwani Nur Shahrin & Kamal Saifudin. 2017. *Amalan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru sekolah menengah di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Azman Yusoff & Laili Halim. 2021. Beban dokumentasi dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 18(2): 55–68.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2022. *Laporan kajian pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sekolah rendah dan sekolah menengah*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Black, P., & Wiliam, D. 1998. Assessment and classroom learning. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 5(1): 7–74. <https://doi.org/10.1080/0969595980050102>

- Che Hashim, N., Abdul Hamid, S. N., & Zainal, N. A. 2020. *Sikap guru terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2), 15–26.
- Che Noraini Che Musa, Mohd Aderi Che Noh & Zurina Mohd. 2017. Kefahaman guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1): 25–33.
- Darling-Hammond, L., & Hyler, M. E., & Gardner, M. 2017. *Effective teacher professional development*. Palo Alto, CA: Learning Policy Institute.
- Dweck, C. S. 2006. *Mindset: The new psychology of Success*. New York: Random House.
- Farah Nordin. 2022. Latihan dan bimbingan guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah: Isu dan cabaran. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*, 14(1): 78–93.
- Fullan, M. 2014. *The principal: Three keys to maximizing impact*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Harlen, W. 2007. *Assessment for learning: Why, what and how?* London: Hodder Education.
- Hazwani Nur Shahrin, Azizi Yusof & Kamal Saifudin. 2017. *Amalan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru sekolah menengah di Malaysia*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019a. *Dokumen standard pentaksiran berasaskan sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019b. *Panduan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah sekolah rendah dan menengah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2025. *Panduan pengurusan pentaksiran berasaskan sekolah (Edisi 1)*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan.
- Laili Halim & Azman Yusoff. 2021. Beban dokumentasi dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 18(2): 55–68.
- Mohd Farid. 2021. *Pentaksiran dalam Pendidikan Islam: Pendekatan Holistik terhadap Pembentukan Sahsiah Murid*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Fauzi Hamat. 2015. *Asas pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Hassan. 2019. Pelaksanaan pentaksiran dalam pengajaran Pendidikan Islam: Satu tinjauan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 24(1): 101–114.
- Mohd Roslan Siti, Norlia Ibrahim & Rohaya Mahmud. 2020. Pentaksiran autentik dalam Pendidikan Islam: Kesannya terhadap motivasi pelajar. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 13(1): 72–85.
- Mohd Shahril & Mohd Abd Rahman. 2020. Cabaran guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2): 45–58.
- Noraini Che Hashim, Noraini Omar & Rohaya Ismail. 2020. Sikap guru terhadap pentaksiran bilik darjah dan kesannya terhadap pelaksanaan. *Jurnal Pendidikan dan Pembangunan*, 7(1): 45–60.
- Noraini Idris. 2021. *Pentaksiran bilik darjah dan impaknya terhadap pengajaran dan pembelajaran: Satu tinjauan dalam kalangan guru pelbagai bidang*. Bangi: Institut Aminuddin Baki.
- Norhasnida Nor & Siti Fadilah. 2021. Amalan pentaksiran berasaskan bilik darjah dalam kalangan guru Pendidikan Islam. *Jurnal Kajian Pendidikan Islam*, 6(1): 89–101.

- Nurul Mansor & Mohd Rashid. 2021. Kefahaman guru terhadap standard prestasi dalam pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Pendidikan dan Latihan*, 11(2): 89–102.
- Rohani Hashim & Siti Mat Salleh. 2021. Etika pentaksiran aspek ibadah dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(3): 31–40.
- Rohaya Zainal & Suhana Ahmad. 2020. Cabaran guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2): 123–135.
- Rusnani Abd Rahman, Noor Aida Harun & Zarina Mohd. 2018. Keberkesanan latihan profesional dalam meningkatkan pelaksanaan PBD. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2): 101–111.
- Shahrul Rahman, Nor Ali & Azlina Zulkifli. 2020. Instrumen pentaksiran dalam Pendidikan Islam: Cabaran dan peluang. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(3): 210–225.
- Stiggins, R.J. 2005. From formative assessment to assessment for learning: A path to success in standards-based schools. *Phi Delta Kappan*, 87(4): 324–328. <https://doi.org/10.1177/003172170508700414>
- Wan Zah Wan Abdul, Abdul Razak Mohamad Azhar & Rohani Abdul Talib. 2020. Cabaran pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1): 15–24. <https://doi.org/10.17576/jpen-2020-45.01-02>
- Wiggins, G. 1993. *Assessing student performance: Exploring the purpose and limits of testing*. San Francisco: Jossey-Bass.